

# Perancangan terperinci NAP 2020

BH - 22/2/2020

Dasar tidak pernah tertangguh, m/s: 3  
pembetulan untuk manfaat industri

Oleh Mohd Zaki Zainudin,  
Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020) tidak pernah tertangguh, namun sedikit pembetulan dibuat bagi membolehkan ia memberi manfaat menyeluruh kepada industri automotif tempatan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Darell Leiking, berkata NAP 2020 sudah melalui penyelidikan bersepadu, perundingan komprehensif dan perancangan terperinci.

“Segala input dalam NAP 2020 mengambil kira pandangan peserta industri, ahli akademik dan agensi serta kementerian berkaitan.


“NAP 2020 menumpukan kepada matlamat baharu. Ia me-

neruskan sedia ada dalam NAP 2014, jadi tiada persoalan mengenai perubahan dasar,” katanya pada majlis pelancaran NAP 2020 di sini, semalam.

NAP 2020 semalam, dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, adalah satu usaha menjadikan Malaysia peneraju serantau dalam sektor pembuatan, kejuruteraan, teknologi dan pembangunan mampan dalam sektor automotif sejajar dengan Visi Automotif Nasional.

MITI juga menasaskan pengenalan NAP 2020, dijangka mampu menyumbang RM104.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030.

Mengulas lanjut, Leiking berkata, NAP 2020 juga menggabungkan tiga elemen teknologi canggih baharu seiring keperluan pasaran global, iaitu Kenderaan Generasi Seterusnya (NxGV), Mobiliti sebagai satu



GrafikBH

Perkhidmatan (MaaS) dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).

Bagi menyokong penggabungan itu, beliau berkata, NAP 2020 menetapkan tiga teras hala tuju dan strategi merangkumi tujuh pelan tindakan.

“Hala tuju pertama adalah teknologi dan kejuruteraan bagi pembangunan sistem dan komponen.

“Hala tuju kedua menumpukan pelaburan dan hala tuju ketiga perluasan pasaran, meningkatkan eksport termasuk perkhidmatan

selepas jualan dan perkhidmatan sektor,” katanya.

Tiga strategi dalam NAP 2020 pula, katanya adalah pembangunan rantaian bekalan, pembangunan modal insan dan keselamatan, persekitaran serta kepenggunaan.